

KERANCUAN FAHAMAN SISTERS IN ISLAM (SIS) BERKAITAN AMALAN BERKHATAN PEREMPUAN



MUKADIMAH

Membersihkan diri merupakan fitrah manusia yang tidak perlu kepada pembuktian. Ianya adalah satu anugerah Allah SWT kepada makhluk bernama insan yang kehidupan di dunia ini lebih sejahtera, lebih dan selesa. Antara fitrah insan itu adalah amalan berkhatan. Khatan didefinisikan sebagai satu keadaan di mana, bagi lelaki dibuang bahagian kulit yang menutupi hasyafah (kepala zakar) dan bagi perempuan bahagian kulit di atas saluran kencing (clitoris), yang seperti buluh ayam jantan. Imam Al-Bukhari dalam al-Jami' as-Sahih beliau hadis no. 5889 daripada Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Fitrah itu ada lima, iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menipiskan misa".

Amalan berkhatan di Nusantara ini bukan perkara baharu bahkan amalan berkhatan ini merupakan tradisi dan legasi agung bapa kita, iaitu baginda Nabi Ibrahim AS. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nahl ayat 123:

"Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik."

Ayat ini kemudiannya dikuatkan lagi dengan hadis Baginda Rasulullah SAW yang menyebutkan, "Nabi Ibrahim AS berkhatan menggunakan qaddum (alat seperti belung, kapak kecil) pada umur beliau 80 tahun." Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Bukhari no. 3356.

HUKUM BERKHATAN DALAM ISLAM

Di dalam kitab Hujjatul Syarh al-Nuazzab (1/300-301) karangan Imam al-Nawawi rahimahullahu ta'ala, dinyatakan hukum berkhatan adalah wajib bagi perempuan. Ini adalah mengikut pendapat yang mashur dan seperti mana yang telah diputuskan oleh Imam Mazhab fiqh kita, Imam al-Syafie rahimahullahu ta'ala. Imam Ahmad autoriti dan hukum agama yang menurut mereka sebagai tidak demokratik dan melanggar hak kemanusiaan. Antara isu yang dicabar oleh NGO SIS adalah berkaitan isu amalan berkhatan bayi perempuan.

Pensyaraitan khatan ini telah sabit melalui hadis riwayat Imam Muslim dalam al-Sahih no. 349 bahawasanya, daripada Humaid bin Bilal, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Dan apabila bertemu dua khatan (kemaluan lelaki dan wanita, ertinya jimak) maka wajiblah mandi." Melalui hadis ini dapat difahami kewajipan berkhatan bukan sahaja pada lelaki bahkan kepada perempuan.

AMALAN BERKHATAN ADALAH ADAT ORANG MELAYU

Menariknya di Nusantara, amalan berkhatan bayi perempuan merupakan suatu perkara yang diterima secara adat dalam masyarakat Islam khususnya bangsa Melayu. Bukan itu sahaja, amalan ini telah menjadi suatu kemestian dalam masyarakat Melayu serta diterima sejak dahulu lagi. Antara keindahan agama Islam ialah Islam sebagai cara dan makna hidup yang menyeluruh turut meraikan adat dan budaya masyarakat yang tidak. Ini berdasarkan kaedah fiqh yang mashur, yang menyatakan bermaksud,

الْعَادَةُ مَحْكَمَةٌ

"Adat (budaya) boleh menjadi rujukan hukum"

KERANCUAN FAHAMAN BERKAITAN KHATAN PEREMPUAN OLEH SISTERS IN ISLAM

Menyebut tentang amalan berkhatan pastinya tidak cukup jika tidak dinyatakan badan bukan kerajaan (NGO) Sisters in Islam (SIS). Ini kerana, kumpulan ini yang telah difatwakan sesat oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sentiasa aktif dalam mencabar autoriti dan hukum agama yang menurut mereka sebagai tidak demokratik dan melanggar hak kemanusiaan. Antara isu yang dicabar oleh NGO SIS adalah berkaitan isu amalan berkhatan bayi perempuan.

Memetik dari portal Free Malaysia Today bertarikh 6 Februari 2020, pihak NGO SIS menyatakan amalan berkhatan bayi perempuan seperti berikut, "Mutlasi Genital Wanita (FGM) dilakukan kerana kepercayaan agama dan kewajipan budaya."

Islam tidak memperkenalkan amalan khatan anak perempuan sebagai amalan bagi orang Islam, dan amalan khatan wanita dapat ditelusuri dari tradisi pra-Islam." Selain itu, mereka turut menyatakan, "FGM adalah prosedur memotong atau membuang sebahagian atau semua alat kelamin wanita luaran." SIS mengatakan dua daripada empat jenis FGM yang diklasifikasikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) diamalkan di Malaysia. Jenis 1, kata mereka, "melibatkan penyingkiran sebahagian atau keseluruhan clitoris atau lipatan kulit yang mengelilinginya, sementara Jenis 4 melibatkan prosedur berbahaya pada alat kelamin wanita untuk tujuan baka perubahan."

Ternyata fahaman NGO SIS berkaitan amalan berkhatan bayi perempuan berbeza dan keliru apabila asas definisi khatan yang dibawakan oleh mereka berdasarkan definisi WHO. Adalah jelas bahawa kaedah dan metodologi yang disenaraikan berbeza dengan apa yang diamalkan umat Islam khususnya di Nusantara ini.

Pada tahun 2018, mantan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Zulkefly Ahmad telah mengesahkan bahawa kaedah berkhatan yang diamalkan di negara ini adalah tidak sama dengan kaedah "berkhatan" yang ditentang masyarakat antarabangsa yang dikenali sebagai amalan memotong genitalia wanita (FGM). Namun begitu, amalan berkhatan umat Islam membolehkan bayi perempuan di negara ini berbeza dengan amalan memotong genitalia wanita (FGM) yang diamalkan dalam kalangan wanita di beberapa negara lain.

SISTER IN ISLAM DIFATWAKAN SESAT OLEH JAWATANKUASA FATWA SELANGOR DAN MAIS

Jawatankuasa Fatwa Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memfatwakan sesat terhadap Sisters in Islam (SIS) Forum (Malaysia). NGO ini terkenal dengan pelbagai anjakan program yang beridentikit Islam Liberalisme dan Pluralisme agama yang mencabar autoriti agama serta memperlekehkan institusi fatwa.

Antaranya adalah, SIS menggesa amalan berkhatan diharamkan [26 Januari 2018], mendakwa Sa'idatina Fatimah tidak disunatkan oleh Baginda Rasulullah SAW, menyatakan al-Oran tidak pernah mewajibkan pemalakan tudung dan ia hanya pilihan peribadi seseorang (22 June 2015), menolak hukum Hudud (14 Oct 2015), bantah Hudud, dakwa tidak adil kepada wanita (5 Oct 2011), memperlekehkan Fatwa (4 Ogos 2018), menyokong perhimpunan LGBT (14 Mac 2019), mempertahankan peserta ratu cantik dan menyifatkan fatwa sebagai tidak demokratik (23 July 2013).

Kesimpulannya, fahaman SIS adalah keliru, bahaya dan boleh mengugat ketenteraman masyarakat majmuk di Malaysia serta meruntuhkan usaha kolektif di setiap peringkat agar fahaman ini dapat dibendung.

